

04 NOV 1996

ANWAR TIDAK BIMBANG TENTANG KEJATUHAN RINGGIT BERBANDING DOLAR AS

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyatakan beliau tidak bimbang tentang kejatuhan lebih daripada 200 mata bagi ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat.

Beliau yang sependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keteguhan dolar tersebut bersangkut paut dengan peningkatan pasaran dolar itu sendiri.

"Ringgit tidak menghadapi sebarang masalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke 13 persatuan bank Asia dan seminar di sini.

Kenaikan ketara dolar telah didorongi oleh kepercayaan bahawa Bill Clinton akan dipilih sekali lagi sebagai presiden Amerika Syarikat bagi satu penggal lagi.

Pagi ini, ringgit dibuka lemah berbanding dolar Amerika berikutan pengukuhan dolar di pasaran seberang laut.

Matawang tempatan itu dibuka pada 2.5284/89 berbanding setiap dolar daripada 2.5255/60 ketika ditutup Jumaat lepas.

"Terdapat lebih minat belian terhadap dolar menjelang pilihan raya presiden Amerika lewat minggu ini," kata seorang peniaga tukaran asing, sambil menambah bahawa pengambilan untung dijangka muncul selepas hari pilihan raya tersebut.

Urus niaga matawang tempatan dijangka lengang hari ini dalam jajaran kecil antara 2.5250-53, peniaga itu menambah.

Dalam perkembangan lain pula, Anwar menyatakan banyak lagi gabungan akan berlaku di kalangan syarikat-syarikat awam pada masa depan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai cadangan pemilikan 20 peratus ekuiti di dalam Rashid Hussain Bhd (RHB) oleh Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB).

MRCB adalah memegang saham besar TV3 manakala RHB memegang 20 peratus kepentingan di dalam DCB Holdings yang sebaliknya memiliki DCB Bank Bhd dan DCB Finance Bhd.

RHB juga sedang berunding untuk membeli Kwong Yik Bank Bhd dari Malayan Banking Bhd. -- BERNAMA

AA MA